

PM: Jangan amal sikap memihak

UM 25 FEB 2000

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 24 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para pegawai kerajaan supaya tidak menjejaskan imej profesion mereka dengan mengamalkan sikap memihak dan rasuah.

Menurut Perdana Menteri, ada di kalangan pegawai kerajaan yang mungkin percaya bahawa rasuah yang mereka lakukan tidak akan dikesan.

“Tetapi jangan terlalu yakin kerana sudah ramai yang telah menerima hukuman berat akibat terlibat dalam rasuah,” tegasnya.

Menurut beliau, profesionalisme adalah penting untuk menentukan pentadbiran berjalan dengan berkesan.

“Profesionalisme bermakna khidmat yang diberi tidak berpartisan, tidak memihak kepada sesiapa, sebaliknya ia hanya bertujuan untuk menjayakan urusan kita (kerajaan),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara di sini.

Seramai 500 pegawai tertinggi kerajaan menghadiri majlis itu termasuk Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Samsudin Osman.

Dr. Mahathir turut mengadakan sesi dialog selama dua jam dengan mereka, yang antara topiknya menyentuh dasar-dasar kerajaan.

Pada majlis itu juga Perdana Menteri turut mengingatkan pegawai-pegawai kerajaan agar berwaspada dengan taktik kuasa besar serta syarikat gergasi asing yang cuba menjatuhkan kerajaan.

Beliau menegaskan, amaran itu bukan bertujuan menakut-nakutkan mereka supaya kerajaan mendapat sokongan politik.

Sebaliknya kata beliau, dalam era globalisasi yang dipercepatkan dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunika-

si, Malaysia terdedah kepada ancaman baru pihak asing yang melihatnya sebagai peluang besar bagi menakluki dunia.

“Hanya dengan menjatuhkan nilai mata wang, negara kaya boleh menjadi miskin, keamanan boleh digugat, rusuhan berlaku dan kerajaan ditumbangkan.

● Teks ucapan penuh PM di muka 7

“Tetapi jangan fikir kerajaan yang menggantinya akan selamat. Jika kerajaan yang mengganti tidak sudi kepada kuasa asing, ia akan diancam dan dijatuhkan juga.

“Sebab itu kita harus berwaspada dan tidak ‘membakar kelambu kerana marahkan nyamuk,’ ujarnya.

Mengenai rasuah, Dr. Mahathir menekankan betapa pentingnya pegawai kerajaan mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala itu bagi menentukan perjalanan pentadbiran yang berkesan.

Malaysia, katanya, memerlukan ‘perkhidmatan awam yang cekap dan berdisiplin.

Menurut beliau, yang diperlukan kini ialah kesedaran pentadbiran itu mengenai bahaya serta perubahan ‘persekitaran dunia’ yang memerlukan cara dan sistem perkhidmatan yang berbeza.

Menurut Perdana Menteri, semua perkhidmatan kerajaan di negara ini adalah profesional.

Tentera umpamanya, akan menurut arahan kerajaan semasa dan bukannya menjadi peranan tentera membentuk dasar negara sama ada di dalam dan luar negeri.

“Tentera juga tidak memihak kepada mana-mana parti politik serta tidak mempunyai pendirian tersendiri. Kesetiaan tentera bukanlah kepada panglima atau pegawai-pegawai ketenteraan tetapi kepada kerajaan semasa yang memerintah,” katanya.

Tegasnya, “Sudah tentu jika panglima atau pegawai memberi arahan untuk menentang kerajaan, maka ini tidak akan mencerminkan profesionalisme tentera dan sebagai anggota profesional, arahan seperti itu tidak mengikat tentera.”

Dengan itu, menurutnya, Malaysia tidak menghadapi masalah seperti dialami oleh sesetengah negara lain yang memperlihatkan perebutan kuasa oleh tentera.

“Namun demikian tiap seorang daripada anggota perkhidmatan awam tentulah mempunyai pendirian berkenaan politik negara.

“Tetapi dalam menjalankan tugas, soal pendirian peribadi tidak boleh diambil kira, sama seperti konsultan asing yang tidak boleh mengambil kira kepentingan negara dan

bangsanya dalam memberi pandangan mereka,” ujar Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan berjaya menangkis percubaan untuk menakluki ekonomi dan kewangan negara kerana memiliki kekuatan dalaman.

Pertamanya, tegas beliau, rakyat tidak panik dan tidak merusuh; kedua, negara tidak berhutang terlalu banyak dari luar negara dan ketiga, kerajaan menguruskan kewangan dengan berhati-hati.

“Banyak sudah tuduh-

an dibuat bahawa Kerajaan Malaysia boros berbelanja dan suka membazir dengan projek-projek yang dikatakan mega.

“Jika benarlah tuduhan ini sudah tentu kita tidak akan memiliki kekuatan kewangan sehingga kita tidak perlu mendapat pinjaman Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi memulihkan ekonomi negara,” katanya.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan awam telah menunjukkan rekod cemerlang dan beliau percaya tidak akan ada sesiapa daripada anggota per-

khidmatan awam ingin mencemarkan rekod itu.

“Walaupun kita semua bekerja kerana upah yang kita terima tetapi balasan yang kita mesti lihat lebih tinggi ialah melihat hasil yang baik daripada perkhidmatan yang diberi.

“Bagi pihak diri saya dan Kerajaan Barisan Nasional (BN), saya ingin berterima kasih kepada semua anggota perkhidmatan awam yang sejak merdeka telah menunjukkan perkhidmatan yang profesional dan cekap,” katanya.